

## Angkara tanah 'lot lidi' pasangan warga emas rugi RM140,000

Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid  
khairil.ashraf@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Sepasang suami isteri terpaksa berputih mata apabila hajat mereka mahu memiliki tanah dan rumah, tidak kesampaian selepas ditipu oleh sindiket jual beli tanah pertanian lot lidi di Dengkil, Selangor.

Pasangan itu diperdaya hingga membeli dua lot tanah berkeluasan 7,000 kaki persegi di Batu 29, Jalan Jenderam Salak pada tahun 2017.

Mangsa yang mahu dikenali sebagai Azlan, 60, mendakwa membayar RM140,000 secara tunai kepada penjual berkenaan pada 19 September 2017 serta perjanjian jual beli itu berlaku di sebuah pejabat peguam di Shah Alam.

"Selepas itu, saya pun menunggu tindakan untuk menukar hak milik tanah tersebut kepada saya sebagai pembeli.

"Daripada tahun 2017 itu, beberapa siri rundingan seperti pertanyaan dan sebagainya di pihak saya (telah dibuat) untuk mengetahui status tanah tersebut sama ada telah ditukar kepada saya.

"Sampai sekarang, saya tidak mendapat apa-apa maklum balas daripada penjual. Penjual juga tidak dapat dihubungi dan pejabat juga telah ditutup," katanya pada sidang medianya di sini hari ini.

Turut sama dalam sidang media ini isterinya yang mahu dikenali sebagai Nadia, 60 Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO), Datuk Hishamuddin Hashim dan Presiden Pertubuhan Keprihatinan Jenayah Komuniti Malaysia (MCCC), Tan Sri Musa Hassan.

Azlan yang bekerja di sektor swasta menambah telah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam pada dua minggu lalu berkenaan perkara tersebut.

"Saya dapati apabila saya pergi ke IPD Shah Alam, mereka juga telah banyak menerima kes-kes seperti ini dan mencadangkan kepada saya untuk mengambil tindakan sivil," katanya.

Dia juga turut menyatakan menghadapi kebuntuan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapinya.

Dalam pada itu, Hishamuddin menggesa agar Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyiasat kes terbabit sebagai jenayah penipuan.

"Rata-rata daripada maklumat yang kami terima, apabila laporan polis dibuat berkaitan lot lidi ini sebahagian daripada pegawai penyiasat meminta supaya mengklasifikasi kes ini sebagai NFA (tiada tindakan lanjut) dan meminta pengadu untuk merujuk kepada majistret atau memulakan saman sivil.

"Ini mendukacitakan kita. Kalau kita nak memulakan saman kepada syarikat tersebut yang mempunyai reputasi saya tidak ada masalah sebab syarikat ini mempunyai aset.

"Tetapi bagaimana dengan syarikat yang tidak mempunyai aset?," soalnya.

Katanya, sekiranya syarikat itu tidak mempunyai aset, mereka tidak boleh membayar pampasan kepada pembeli lot tanah ini.



Setiausaha Agung Malaysia International Humanitarian Organisation (MHO), Datuk Hishamuddin Hashim (dua dari kiri) diiringi Presiden Pertubuhan Keprihatinan Jenayah Komuniti Malaysia (MCCC), Tan Sri Musa Hassan (tiga dari kiri) ketika mengadakan sidang media mengenai penipuan penjualan tanah Lot Lidi di Jenderam Sepang hari ini.

-Harian Metro